



## UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

---

### SURAT EDARAN UMT BILANGAN 2 TAHUN 2016

---

#### **Penangguhan Penguatkuasaan Pelaksanaan Dasar Berkursus Tujuh Hari Setahun bagi Anggota Perkhidmatan Awam**

##### **Latar Belakang**

1. Surat edaran ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan untuk menangguhkan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 'Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam' (PP 6/2005) melalui surat edaran yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 29 Februari 2016, yang mana pelaksanaannya diterima pakai di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

##### **Pelaksanaan**

2. Selaras dengan langkah merasionalisasi Perkhidmatan Awam serta mengoptimumkan perbelanjaan agensi Kerajaan, pelaksanaan dasar berkursus tujuh (7) hari setahun bagi semua anggota Perkhidmatan Awam seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 'Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam' (PP 6/2005) **adalah ditangguhkan.**
3. Penangguhan penguatkuasaan ini adalah untuk memberi ruang kepada semua agensi Kerajaan menyusun semula kursus-kursus di bawah Pelan Operasi Latihan (POL) mengikut keutamaan dan keperluan anggota berdasarkan kepada keupayaan kewangan agensi Kerajaan.
4. Sehubungan dengan itu, pencapaian pelaksanaan jumlah hari berkursus setiap anggota dan prestasi perbelanjaan peruntukan latihan oleh semua agensi juga **tidak akan diambil kira** sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) semua Ketua Jabatan.

##### **Tarikh Kuat Kuasa**

5. Kelulusan ini berkuat kuasa mulai 29 Februari 2016.